

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Rujukan : 21 November 2018
Tarikh : 13 Rabiul Awal 1440H

Kepada :

Ibu bapa / Penjaga,
SM **imtiaz** Ulul Albab Melaka.

Tuan / Puan,

PELAKSANAAN GOLDEN SCHOOL HOLIDAY SEMPENA CUTI AKHIR TAHUN

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Sek. Men **imtiaz** Ulul Albab Melaka ingin memaklumkan bahawa pelajar akan dibekalkan Golden School Holiday bagi memenuhi masa cuti pelajar bagi Tingkatan 1,2 dan 4. Tugas ini juga sebagai persediaan awal kepada pelajar untuk memperkukuhkan lagi pengetahuan silibus terkini sebelum menghadapi sesi persekolahan pada tahun hadapan.

3. Untuk makluman, Golden School Holiday diberikan adalah seperti berikut :

- i. Tugas Murajaah Al-Quran (Tingkatan 1,2 dan 4)
- ii. Tugas Akademik (Tingkatan 1,2 dan 4)

4. Sehubungan dengan itu, pelajar boleh memuat turun soalan-soalan mengikut tingkatan masing-masing di laman web rasmi sekolah www.sekmenimtiazmelaka.com capaian di bahagian bawah *website* pada menu muat turun bertajuk **Golden Holiday**.


5. Pihak sekolah memohon jasa baik pihak ibu bapa untuk memastikan pelaksanaan Golden School Holiday tersebut diselesaikan dengan sebaiknya. **Bagi tugas murajaah Al-Quran, para pelajar dikehendaki mendapatkan tandatangan penjaga setiap kali tugas diselesaikan.**

Pelajar diwajibkan menghantar tugas mereka hari pertama persekolahan pada tahun 2019 kepada guru kelas masing-masing. Kerjasama ibu bapa amat kami hargai demi memastikan kecemerlangan anak-anak generasi ulul albab.

Sekian, terima kasih.

“MENJANA GENERASI ULUL ALBAB”

Saya yang menurut perintah,


.....
(Azharizan Bin Yaacob)
Pengetua